

ZADIPRO SYRUP

Ketotifen Fumarate (1mg/5ml)

Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zadipro Syrup.
2. Bagaimana Zadipro Syrup berfungsi.
3. Sebelum mengambil Zadipro Syrup.
4. Cara menggunakan Zadipro Syrup.
5. Semasa menggunakan Zadipro Syrup.
6. Kesan-sesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zadipro Syrup.
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang and pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Zadipro Syrup

Zadipro syrup digunakan untuk rawatan pencegahan asma yang diakibatkan oleh alergi. Ia juga digunakan untuk pencegahan dan melegakan simptom-simptom alergi yang berkaitan dengan rinitis alergi (radang membran mukus hidung akibat tindak balas alergi), alergi bronkitis (radang pada saluran pernafasan dalam paru-paru) ruam dan demam alergi.

Bagaimana Zadipro Syrup berfungsi

Bahan aktif ubat ini adalah ketotifen. Ketotifen adalah sejenis antihistamina yang bertindak melegakan masalah alergi dengan menghalang reaksi yang terhasil akibat pelepasan bahan kimia di dalam badan apabila terdedah kepada alergen.

Sebelum mengambil Zadipro Syrup

Bila tidak boleh mengambil

- Anda alergi kepada ketotifen atau bahan-bahan lain yang terkandung di dalam produk ini.

Sebelum mula mengambil

Dapatkan nasihat doktor jika anda:

- Menyusukan bayi.
- Mengandung/Disyaki mengandung.
- Merancang untuk mengandung.

Zadipro tidak patut digunakan untuk merawat serangan asma akut.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Terdapat beberapa jenis ubat yang tidak digalakkkan diambil bersama dengan Zadipro. Anda harus memaklumkan doktor dan ahli farmasi anda mengenai ubat yang sedang diambil termasuk ubat yang dibeli di farmasi tanpa preskripsi doktor. Maklumkan doktor dan ahli farmasi jika anda sedang mengambil ubat-ubat berikut:-

- Hipnotik/sedatif,
- Antihistamina yang lain,
- Alkohol
- Ubat antidiabetik oral

Cara menggunakan Zadipro Syrup

Berapa banyak harus digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Jumlah yang anda ambil setiap hari bergantung kepada keadaan anda. Jangan ambil lebih atau kurang daripada amanah yang disyorkan.

Dos yang biasa untuk orang dewasa adalah di antara 1mg (5ml) - 2 mg (10ml) 2 kali sehari. Sekiranya anda mudah mengalami sedasi, regimen progresif disyorkan pada minggu pertama rawatan bermula dengan 0.5mg (2.5ml) dua kali sehari atau 1mg (5ml) pada waktu petang sahaja.

Kanak-kanak yang melebihi 3 tahun disarankan sirap 5ml setiap 12 jam.

Kanak-kanak di antara 6 bulan hingga 3 tahun disarankan sirap 2.5ml dua kali sehari.

Bila perlu digunakan

Anda perlu mengambil Zadipro Syrup seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi

Berapa lama perlu digunakan

Iikut arahan yang telah ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil ubat ini secara berlebihan dengan tidak sengaja, hubungi doktor dengan segera atau dapatkan bantuan perubatan.

Simptom-simptom pengambilan dos yang berlebihan:

- Rasa mengantuk ke sedasi yang teruk.
- Kekeliruan dan disorientasi
- Takikardia (kadar degupan jantung yang lebih cepat daripada biasa).
- Keterujaan yang berlebihan atau sawan terutama pada kanak-kanak.
- Koma berbalik

Semasa menggunakan Zadipro Syrup

Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Zadipro Syrup.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Perkara yang tidak perlu dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Zadipro Syrup dengan seseapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan yang dinyatakan. Dalam tempoh beberapa hari pertama rawatan dengan ketotifen, tindak balas anda mungkin terjejas dan oleh itu anda perlu berhati-hati semasa memandu kenderaan atau mengendalikan mesin.

Kesan-sesan sampingan

Kesan sampingan biasa adalah mengantuk, peningkatan selera makan dan peningkatan berat badan.

Kesan sampingan yang berlaku sekali-sekala adalah pening dan kekeringan mulut yang mungkin berlaku pada permulaan rawatan.

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan-sesan lain semasa pengambilan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Zadipro Syrup

Penyimpanan

Simpan pada suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhkan daripada pencapaian kanak-kanak.

ZADIPRO SYRUP

Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP)

Ketotifen Fumarate (1mg/5ml)

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

Rupa dan warna produk

Cecair jernih tanpa warna berperasa pic.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Setiap 5ml mengandungi Ketotifen 1mg sebagai bahan aktif.

Bahan-bahan tidak aktif:

Asid sitrik, gliserin, perasa pic, sodium benzoate, sirap simplex

Nombor MAL

MAL19986512A

Pengilang

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.

9,11 & 17, Jalan Kempas 4,

Taman Perindustrian Tampoi Indah,
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.

9, 11 & 17, Jalan Kempas 4,

Taman Perindustrian Tampoi Indah,
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

29/05/2015

Nombor Siri

BPPK(R4/1)300115/00022